

Peruntukan pembangunan Ahli Parlimen tahun ini dikurang

Kerajaan akan selaras dana, salur secara berperingkat

Oleh Mohd Khidir Zakaria
bhnews@com.my

Port Dickson: Peruntukan pembangunan kepada Ahli Parlimen akan dikurangkan tahun ini sebagai langkah mengawal kewangan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata peruntukan itu akan diselaraskan dengan pejabat daerah dan pegawai kemajuan negeri dan disalurkan secara berperingkat dan mengikut keperluan.

"Peruntukan pembangunan akan diberi secara berperingkat ekoran kekangan ekonomi. Untuk projek yang mendesak, surau rosak, jalan atau beberapa isu seperti mengorek sungai dan hal yang penting, kita boleh pertimbangkan peruntukan tambahan.

"Jumlah peruntukan itu akan dinilai semula apabila keadaan ekonomi dan kewangan negara bertambah baik pada masa akan datang," katanya selepas makan tengah hari di Kedai Makanan

dan Minuman Salleh Bin Abdullah, Kampung Baru Sirusa, di sini, semalam.

Turut mengiringi beliau, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamad Hasan dan Menteri Besar Negeri Sembilan, yang juga Ahli Parlimen Port Dickson, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Sebelum ini, media melaporkan berdasarkan sumber menyatakan peruntukan kawasan untuk Ahli Parlimen untuk tahun ini dikurangkan lebih 65 peratus, iaitu daripada RM3.8 juta kepada RM1.3 juta.

Jumlah itu dikatakan terdiri daripada geran langsung RM1 juta dan RM300.000 lagi untuk operasi pusat khidmat Ahli Parlimen.

Mengulas lanjut, Anwar mengesahkan perkara itu dan berkata, keputusan itu diambil berikutan beliau sangat tegas dalam isu tata kelola, rasuah dan salah guna kuasa, termasuk berkaitan kewangan parti politik seperti yang dihadapi BERSATU ketika ini.

"Apa juga alasan, kamu (pemimpin BERSATU) kena jelaskan kepada rakyat, bagaimana parti politik boleh melakukannya. Bagaimana dalam keadaan COVID-19, ketika orang tiada kerja, tiada wang, parti boleh kumpul ratusan juta.



Anwar bersama Mohamad (dua dari kiri) meluangkan masa menikmati juadah makan tengahhari di Kedai Makanan dan Minuman Salleh Bin Abdullah, Kampung Baru Sirusa, Port Dickson, semalam.

(Foto BERNAMA)

"Kemudian, guna isu (memberi) tekanan... jawablah, betul atau tidak ada RM300 juta dalam akaun? Jika betul ada, dari mana? Mengapa boleh kumpul begitu banyak wang untuk parti dalam keadaan orang tiada kerja dan susah, bantuan terbatas dan projek dibatalkan," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri melepaskan 'rindu' makan rojak di Kedai Makanan dan Minuman Salleh Bin Abdullah, di sini.

"Saya rindukan rojak di kedai ini kerana pernah makan dulu dan pastinya saya tidak lupakan-

nya," katanya.

Anwar berkata, Port Dickson adalah lokasi yang mempunyai sejarah tersendiri dalam hidupnya selepas beliau menjadi Ahli Parlimen di situ sebelum ini.

"Port Dickson tidak saya lupakan kerana di sini, ramai kawan, pegawai kerajaan dan mereka menyambut baik ketika saya menjadi Ahli Parlimen di sini," katanya.

Sementara itu, pemilik Kedai Makanan dan Minuman Salleh Bin Abdullah, Azuan Azmi Ng, 34, terharu dengan kunjungan

Perdana Menteri ke kedainya, yang dibuka oleh datuknya, Salleh Abdullah, pada 1970.

"Ini kali pertama seorang Perdana Menteri datang makan di sini. Ia sejarah bagi saya, Perdana Menteri sanggup datang dari jauh semata-mata untuk makan di kedai saya.

"Semua pekerja gerai saya turut teruja kerana dimaklumkan PM rindu rojak di sini," katanya sambil menambah Anwar pernah ke kedainya ketika berkempen pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Port Dickson.